

**NILAI-NILAI TRADISI JEPUN DALAM MEMBENTUK SEBUAH
PERADABAN**

OLEH
HALIMI BINTI MOHD. KHALID
(AGC 98042)

PENULISAN DISERTASI
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
SYARAT-SYARAT UNTUK IJAZAH SARJANA SASTERA

PUSAT DIALOG PERADABAN
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

SESSI 1999/2000



PERAKUAN PELAJAR

Saya, nama di bawah, mengaku bahawa disertasi ini
merupakan hasil usaha saya sendiri kecuali
bahan-bahan / petikan-petikan yang dinyatakan
sumbernya

Tandatangan : 
Nama : Halimi binti Mohd. Khalid
Tarikh : 20 Jun 2000

PLAGIAT ADALAH SATU JENAYAH AKADEMIK

DEDIKASI

Disertasi ini ditujukan khas buat
Ayah & Ibuku.....
Haji Mohd. Khalid & Hajjah Saimah
Suamiku.....
Abdul Rahman bin Minhat
Putera & Puteriku.....
Mohd. Isyraf Najyhan & Hannan Nasyirah
Adik-adikku yang tersayang
Serta buat semua yang mencintai ilmu

ABSTRAK

Disertasi ini cuba melihat peranan nilai-nilai tradisi Jepun dalam membentuk sebuah peradaban.

Ia dimulakan dengan bahagian pendahuluan yang merangkumkan maklumat asas tentang latar belakang kajian, matlamat kajian, skop kajian, metodologi kajian serta permasalahan yang dihadapi semasa kajian ini. Beberapa konsep penting yang menjadi asas kepada kajian ini turut diperkenalkan.

Bab pertama merupakan pengenalan kepada negara Jepun secara umum yang mengambil kira aspek geografi, sejarah awal Jepun dan sejarah budaya Jepun sebagai manifestasi terhasilnya nilai-nilai tradisi mereka.

Bab kedua pula menjurus kepada tajuk kajian dimana perbincangan yang dibuat meliputi pengertian nilai-nilai tradisi, proses pembentukannya, pernyataan dua daripada aspek nilai yang berkenaan serta sumbangannya dalam membentuk sebuah peradaban.

Bab ketiga pula melihat peranan agama iaitu Shinto, Buddha dan Confucius dalam menyumbang kepada pembentukan nilai-nilai tradisi Jepun. Setiap satunya diperjelaskan secara terperinci meliputi latar belakang setiap agama serta nilai-nilai yang tercetus hasil daripada kepercayaan yang dianuti oleh masyarakat Jepun. Turut dimuatkan ialah bagaimana setiap satu daripada nilai yang dinyatakan telah membantu kepada pembentukan peradaban Jepun yang unik.

Bab keempat pula cuba menyorot beberapa lagi nilai tradisi yang terhasil daripada kod etika kepahlawanan atau Bushido yang telah menjadi jiwa orang Jepun yang mana telah turut menyumbang kepada pembentukan peradaban mereka. Menerusi bab ini penulis lebihmenekankan kepada nilai-nilai yang terbentuk hasil daripada latihan berbentuk kepahlawanan seperti berani, malu, betanggungjawab serta semangat patriotik yang tinggi.

Bab kelima pula melihat pengaplikasian nilai-nilai tradisi dalam zaman kontemporari

Bab keenam merupakan bab penutup yang merumuskan keseluruhan kajian dalam disertasi ini.

ABSTRACT

This dissertation try to see the role of the traditional Japanese value in forming a civilization

It starts with an introduction, incorporating the basic information about the background of the research, the purpose, scope and methodology as well as the problems while doing the research. A few importants concepts which are formed the base of the research are also intriduced.

The first chapter introduces the country of Japan in general, including the geographical aspect, the early history and the history of the Japanese culture.

The second chapter narrows down to the research topic where the discussion covers the meanings of traditional values, its formation process, two statements of the concerned value aspects as well as its contribution in moulding a civilization.

The third chapter points out the religions role namely Shinto, Buddha and Confucian in contributing the setting up of the Japanese traditional values. Each of these values is explained in details, inclusive of the background for each religion and values that emerged from the beliefs of the Japanese society. It also includes with hoe each of the values helped in the developing of the unique Japanese civilization.

Meanwhile, chapter four tried to oversee several traditional values arising from the warrior ethics code or Bushido that has became soul of the Japanese and also contributed towards the making of their civilization. Through this chapter, the writer stressed on the values formed as a result of the military practises courage, shyness, responsible and also high patriotic spirit.

Chapter five covers the applications of traditional values during the contemporary period.

Chapter six is the closing chapter. The conclusion of the hole research is stated in this chapter.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani . Segala puji dan syukur hanya untuk Allah 'Azza wa Jalla yang telah memberi taufik dan hidayahNya kerana dengan izinnya juga dapat saya menyiapkan penulisan disertasi ini. Selawat dan salam ke atas Junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w serta para sahabat.

Terlebih dahulu jutaan terima kasih serta sekalung penghargaan saya rangkaikan buat Encik Azhar bin Mad Aros selaku penyelia saya yang telah banyak memberi nasihat, bimbingan, teguran serta tunjuk ajar yang amat berguna dalam menyempurnakan disertasi ini.

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada semua pensyarah Pengajian Peradaban iaitu Prof. Osman Bakar, Dr. Chandra Muzaffar, Prof. Hashim Musa, Prof Alwi, Prof Mahmud Bakar, Encik Amran bin Muhammad dan pensyarah-pensyarah lain yang telah mengenalkan penulis dengan ilmu ketamadunan. Sesungguhnya sumbangan ilmu yang diberikan adalah tidak ternilai dengan intan permata maupun wang ringgit. Hanya Allah juga yang akan membalaunya.

Terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada kaki tangan Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Japanese Foundation dan sebagainya yang telah memberikan kerjasama sepenuhnya kepada saya khususnya untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan disertasi ini.

Sekalung penghargaan juga penulis tujukan buat ibu dan ayah serta suami tercinta Abdul Rahman bin Minhat yang sentiasa memberikan sokongan, dorongan dan galakan kepada penulis untuk meneruskan perjuangan ini sehingga ke garisan penamat. Teristimewa juga buat adik-adik dan anak-anak tersayang Mohd. Isyraf Najyhan dan Hannan Nasyirah yang telah banyak berkorban masa memberi ruang kepada penulis untuk menyiapkan kerja-kerja penulisan ini.

Ucapan penghargaan juga penulis tujukan buat Adik Sri Rahayu yang telah banyak membantu penulis memberikan idea dan tunjuk ajar dalam rangka untuk menyiapkan disertasi ini. Tidak lupa juga buat Encik Hassan dan Puan Khorsiah sekeluarga yang sanggup berkorban masa menjaga putera dan puteriku. Juga buat Puan Jamaah binti Shahbudin iaitu Pengetua SAM Hulu Langat serta rakan-rakan yang lain. Terima kasih kerana memahami perjuangan ini.

Akhirnya terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak yang mana telah membantu saya untuk menyelesaikan disertasi ini. Semoga usaha kecil ini akan memberikan manfaat untuk diri saya dan mereka yang berminat serta cintakan ilmu.

Terima kasih

Halimi binti Mohd. Khalid
Pengajian Peradaban
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

20 Jun 2000
17 Rabi'ul Awal 1421

KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
PERAKUAN PELAJAR	ii
DEDIKASI	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	vi
PENGHARGAAN	ix
KANDUNGAN	xi
SENARAI LAMPIRAN	xv
SENARAI KEPENDEKAN	xv
PENDAHULUAN	xvi

BAB PERTAMA

JEPUN SECARA UMUM

1.0 Pengenalan	1
1.1 Kedudukan Geografi	3
1.2 Sejarah Awal Jepun	6
1.3 Sejarah Budaya Jepun	15
NOTA HUJUNG.....	31

BAB KEDUA

PENGERTIAN NILAI-NILAI TRADISI DAN DUA ASPEK YANG BERKAITAN SERTA PERANANNYA DALAM PEMBINAAN PERADABAN JEPUN

2.0 Pengenalan	33
----------------------	----

2.1 Aktiviti Penanaman Padi	34
2.1.1 Semangat Bekerjasama	35
2.1.2 Semangat Berkumpulan	37
2.1.3 Sabar	40
2.1.4 Berjimat cermat dan menabung	44
2.1.5 Rajin	46
2.2 Mitos dan lagenda	51
2.2.1 Taat setia	53
2.2.2 Penilaian Kendiri	54
NOTA HUJUNG	55

BAB KE TIGA

PERANAN AGAMA DALAM MEMBENTUK NILAI-NILAI TRADISI DAN SUMBANGANNYA DALAM PEMBENTUKAN PERADABAN

3.0 Pengenalan	56
3.1 Shinto	59
3.1.1 Berharmoni dengan alam sekitar	61
3.1.2 Aspek kebersihan	63
3.3.3 Semangat Nasionalisme	67
3.2 Buddha	69
3.2.1 Upacara Minum Teh.....	71
3.2.1.1 Harmoni	73
3.2.1.2 Menghormati	75

3.2.1.3 Kebersihan	75
3.2.1.4 Ketenangan	76
3.2.2 Seni Taman	77
3.2.3 Seni Bonsai	78
3.2.3.1 Tradisi Perminiaturan (Tradisi Kecil)	80
3.2.3.2 Sikap Berhati-hati, Penyayang dan Sabar	83
3.3 Confusian	85
3.3.1 Rakyat Patuh Kepada Raja	86
3.3.2 Anak Lelaki Patuh Kepada Bapa	86
3.3.3 Adik Lelaki Patuh Kepada Abang	86
3.3.4 Isteri Kepada Suami.....	87
3.3.5 Kawan Kepada Kawan	87
NOTA HUJUNG.....	90

BAB KE EMPAT

PERANAN BUSHIDO DALAM MENCETUSKAN NILAI-NILAI TRADISI SERTA SUMBANGANNYA DALAM PEMBENTUKAN PERADABAN

4.0 Pengenalan	92
4.1 Definisi Bushido	93
4.2 Sejarah kelahiran Bushido dan perkembangannya	93
4.3 Sumber Bushido	95
4.4 Peranan Bushido dalam pembentukan Peradaban Jepun	99
4.4.1 Malu	99
4.4.2 Berani dan Bertanggungjawab.....	101

4.4.3 Semangat patriotik	102
NOTA HUJUNG.....	105

BAB KE LIMA

APLIKASI NILAI-NILAI TRADISI DALAM PERADABAN KONTEMPORARI

5.0	
Pengenalan.....	106
5.1 Aspek Ekonomi.....	109
5.2 Aspek Politik	114
5.3 Aspek Sosial	117
5.4 AspekKesenian.....	118
NOTA HUJUNG.....	123

BAB KE ENAM

6.0 Kesimpulan	24
----------------------	----

BIBLIOGRAFI	135
--------------------------	------------

LAMPIRAN

SENARAI LAMPIRAN

1. Peta Negara Jepun
2. Lambang Kebesaran Keluarga Imperial Jepun
3. Pemandangan Kuil Shinto
4. Seni Ikebana dan jenis-jenisnya
5. Seni Bonsai
6. Adat Minum Teh
7. Tempat-tempat menarik di Bandar Tokyo
7. Tempat-tempat menarik di Bandar Osaka

SENARAI KEPENDEKAN

1. Ibid - Ibidem
2. Op.cit - Opera Citato

PENDAHULUAN

Sejarah mempunyai sifat yang berulang. Oleh itu kajian yang bersifat histografi sememangnya menarik untuk dilakukan kerana matlamat kajian ini adalah untuk mencari dan menilai semula fakta-fakta yang terdahulu untuk dicari kebenaran, kekuatan dan kelemahan sebagai panduan untuk menempuh masa kini dan akan datang. Kajian yang bertajuk “ **NILAI-NILAI TRADISI JEPUN DALAM MEMBENTUK SEBUAH PERADABAN** ” ini cuba untuk mengenal pasti dan mengetengahkan aspek-aspek tradisi dalaman dan luaran yang telah menjadi sumber kekuatan kepada masyarakat Jepun untuk berjaya, menjadi ‘ role-model ’ kepada negara-negara lain serta yang telah memartabatkan imej dan kedudukan mereka di mata dunia.

Bidang kajian ini amat menarik untuk dibuat penelitian secara lebih mendalam memandangkan Tamadun Jepun dengan segala keunikannya telah berjaya membuka mata dunia terhadap kebolehannya sebagai sebuah negara Asia yang sering dipandang sepi tetapi telah membuktikan kemampuannya menakluki dunia terutamanya dari segi penguasaan sains dan teknologi serta kuasa ekonomi dalam masa uang singkat setanding dengan kuasa-kuasa lain seperti Barat yang turut mengakui kehebatan mereka. Dalam masa yang sama mereka masih menyanjung dan mempertahankan tradisi kebudayaan yang diwarisi sejak zaman berzaman kerana pada hakikatnya nilai-nilai inilah yang telah menjadi pemangkin utama kepada pencapaian mereka pada masa kini. Realiti inilah yang telah menarik minat pengkaji untuk melihat dengan lebih mendalam lagi faktor-faktor yang telah menggerakkan fizikal dan mental orang-orang Jepun sehingga mampu untuk terus mencipta nama di persada dunia.

KONSEP NILAI-NILAI TRADISI SEBAGAI TERAS KEPADA PEMBENTUKAN PERADABAN JEPUN

Tidak dapat dinafikan bahawa kehidupan manusia di dunia kuat didokoang oleh nilai-nilai tradisi yang melingkari kehidupan sehari-hari mereka. “Nilai” merupakan konsep tingkah laku yang dapat diterima dan diamalkan oleh sesebuah kelompok atau masyarakat tertentu. Sementara “Tradisi” pula merujuk kepada sesuatu kebiasaan (amalan) turun temurun yang sudah sebatи dengan sesebuah masyarakat, kaum, bangsa dan lain-lain. Oleh kerana itu “Nilai-Nilai Tradisi” merupakan sejumlah tingkah laku yang diterima dan menjadi amalan sejak turun temurun dan sudah sebatи dengan kehidupan sesebuah masyarakat. Nilai-nilai tradisi ini agak berbeza antara sebuah masyarakat dengan kelompok lain di dunia ini. Namun matlamat keseluruhannya adalah sama iaitu untuk menuju kepada kebenaran dan kebahagiaan.

Proses untuk menentukan samaada sesebuah nilai itu bersifat tradisi atau sebaliknya bukanlah sesuatu yang mudah. Ini adalah kerana ia memerlukan kepada suatu tempoh masa yang agak panjang untuk menentukan samaada nilai tersebut sesuai atau tidak untuk diamalkan dan seterusnya diwarisi zaman berzaman. Kebarangkalian sesebuah nilai itu diiktiraf sebagai warisan tradisi turut melalui tempoh-tempoh percubaan samaada disedari atau tidak. Kesahannya hanya terbukti apabila nilai tersebut mampu untuk terus mengekalkan keunggulan dan kehebatan sesebuah bangsa dalam apa-apa juga situasi samaada aman atau sebaliknya.

Nilai-nilai tradisi turut mempamerkan imej sesebuah negara dan bangsanya. Daya kebolehtahanan sesuatu bangsa untuk mempertahankan nilai-nilai tradisi adalah sesuatu yang unik. Apatah lagi jika nilai-nilai tersebut berjaya untuk terus memartabatkan bangsa dan negara mereka di tempat yang tinggi.

Perubahan masa dan peralihan zaman menyaksikan berbagai-bagai bentuk budaya dan nilai-nilai baru di dalam sesebuah masyaakat. Fenomena ini membawa kepada wujudnya satu kontradiksi antara nilai-nilai lama yang menjadi teras kehidupan sejak zaman berzaman dengan nilai-nilai baru yang begitu disenangi oleh generasi terkemudian. Pertentangan yang sebegini pada hakikatnya dialami oleh setiap bangsa dan negara yang sentiasa berhadapan dengan apa yang dinamakan sebagai kemajuan.

Keampuhan sesuatu bangsa dalam mengharungi arus kemajuan di samping berusaha untuk terus mengekalkan nilai-nilai tradisi adalah sesuatu yang amat dikagumi. Ini meunjukkan kepada ketulinan, keaslian serta jati diri bangsa yang sebenarnya. Kerapuhan pegangan terhadap nilai-nilai tradisi sebagai teras kepada pembentukan peradaban bangsa akan menyebabkan mereka kehilangan identiti diri yang asli serta boleh menyebabkan keruntuhan sesebuah tamadun.

Menerusi kajian ini penulis berusaha untuk melihat dengan lebih dekat lagi unsur-unsur yang terkandung dalam nilai-nilai tradisi dengan mengkhususkan kajian kepada

peradaban Jepun. Kemampuan masyarakat Jepun untuk menjadikan negara dan bangsa mereka sebagai sebuah negara dan bangsa yang maju pada hakikatnya banyak bergantung kepada pengaplikasian nilai-nilai tradisi yang mereka warisi. Nilai-nilai ini bukan sahaja merujuk kepada kemampuan dari segi fizikal malah yang lebih penting ialah dorongan spiritual, psikologi dan mental yang tinggi untuk menggerakkan segala potensi yang ada. Meskipun negara Jepun tampil mengungguli negara-negara lain dalam aspek kemajuan material namun masyarakat menyedari bahawa faktor ini perlu diimbangi seiring dengan kemajuan yang dikecapi bagi menjamin kesinambungan keagungannya sebagai sebuah tamadun yang akan tetap dipertahankan.

MATLAMAT KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa matlamat yang dijangkakan dapat memberi serba sedikit sumbangan dalam bidang pengajian peradaban terutamanya Peradaban Jepun. Antarnya :-

1. Mengkaji peristiwa-peristiwa dan faktor-faktor yang membawa kepada terhasilnya nilai-nilai tradisi yang diwarisi sejak zaman berzaman
2. Untuk mengetahui apakah nilai-nilai tradisi yang mendasari corak pemikiran dan tingkah laku serta tindakan orang-orang Jepun sejak dahulu sehingga kini.
3. Seterusnya untuk menganalisa bagaimanakah nilai-nilai tersebut berinteraksi dengan diri orang-orang Jepun dan berfungsi sebagai aset utama yang menggerakkan keupayaan mereka untuk mencapai kejayaan.

4. Melihat dan mengkaji tentang keunggulan masyarakat Jepun mempertahankan negara dan budayanya dari dipengaruhi oleh unsur-unsur yang dibawa masuk dari luar.
5. Membuktikan bahawa kesan psikologi yang diperolehi dari pengalaman **sejarah** berpotensi untuk menggerakkan manusia dari mana-mana peradaban **sekalipun** untuk melakukan suatu transformasi positif jika digunakan pada jalan kebaikan.

SKOP KAJIAN

1. Skop kajian ini akan melihat beberapa nilai tradisi Jepun secara terperinci dan cuba untuk mengaitkannya dengan realiti keunikan dan kejayaan Jepun serta masyarakatnya memartabatkan Peradaban Jepun sebagai salah satu **peradaban dunia** yang dikagumi.
2. Di samping itu kajian ini juga berkisar tentang proses pensejarahan yang telah dilalui oleh orang-orang Jepun dari satu era pemerintahan kepada **satu era** pemerintahan yang lain yang mana telah banyak menyumbang **kepada** terbentuknya nilai-nilai yang unggul ini.
3. Menumpukan kepada satu bentuk pemerhatian dan penelitian tentang **sejauh** manakah masyarakat Jepun mencedok idea, pengetahuan, pemikiran dan sebagainya dari luar dalam pembinaan peradaban mereka namun dalam **masa** yang sama mereka berjaya membina jati diri dengan mengekalkan identiti **mereka** yang asli dan dicontohi oleh masyarakat dunia lain.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan suatu perkara yang amat penting dalam melakukan sesuatu kajian ilmiah. Tinggi atau rendahnya mutu sesuatu kajian bergantung kepada metod yang tepat untuk mencapai objektif penyelidikan tersebut. Di dalam kajian ini penulis menggunakan tiga metod utama iaitu :-

1. Metod Penentu Subjek

Dalam menentukan subjek penyelidikan, pengkaji telah menggunakan metod penentu subjek. Subjek yang dikaji ialah Nilai-nilai tradisi yang terdapat di dalam Tamadun Jepun. Penggunaan metod ini memberi peluang kepada pengkaji untuk melihat, memahami, mendalami dan mengeluarkan idea-idea utama mengenai nilai-nilai tradisi serta aspek-aspek penting yang dapat disedut dari setiap nilai yang diutarakan.

2. Metod Pengumpulan Data

Usaha-usaha yang dilakukan dengan cara mengumpulkan data serta membuat pentafsiran terhadap data yang dikumpul. Dalam usaha mencari dan mengumpulkan data bagi keperluan kajian ini, pengkaji telah menggunakan metod kajian perpustakaan.

Kajian perpustakaan telah dilakukan oleh pengkaji untuk meninjau kajian-kajian lampau serta mendapatkan bahan-bahan bacaan yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan. Kajian ini pada asasnya lebih tertumpu kepada data-data skunder

seperti buku-buku, majalah-majalah, kertas-kertas kerja, artikel-artikel serta mencari bahan yang terdapat di dalam internet. Ini bererti dalam masa pengutipan data-data pengkaji banyak menghabiskan masa di perpustakaan. Antara perpustakaan yang dikunjungi ialah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Japaneswe Foundation serta Perpustakaan Awam Pusat Islam.

3. Metod Analisis Data

Metod ini diguanakan untuk menganalisis kesemua data yang telah dikumpulkan dan kemudian mengolahkannya semula supaya beresuaian dengan tajuk kajian.

MASALAH KAJIAN

Semasa menjalankan kajian ini penulis berhadapan dengan masalah terutamanya dari segi memperuntukan masa untuk menyiapkan penulisan kajian ini memandangkan penulis mempunyai komitmen terhadap tugas di sekolah dan keluarga.

Seterusnya penulis juga berhadapan dengan masalah untuk mendapatkan rujukan yang menggunakan Bahasa Melayu memandangkan kebanyakannya rujukan yang ditemui adalah menggunakan Bahasa Inggeris yang memerlukan kepada masa yang lebih untuk memahami dan mengolahnya kembali dalam penulisan ini.